

RELEVANKAH PENGUJIAN ITEM PENGUKURAN NILAI DAN ETIKA TERHADAP PENJAWAT AWAM GURU BERDASARKAN KONSEP TONGGAK DUA BELAS?

Norhashidah binti Md Ghani,
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: hashidah1704@yahoo.com.my, Tel: +6011- 10861034

Dr. Mohd Effendi @ Ewan bin Mohd Matore
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: effendi@ukm.edu.my, Tel: +6019- 2896080

ABSTRAK

Tonggak Dua Belas mengandungi panduan baik daripada aspek Nilai dan Etika bagi melahirkan penjawat awam yang cekap dan berkualiti terutama melibatkan profesion keguruan. Namun begitu, konsep asas dengan 12 dimensi ini tidak banyak dibincangkan daripada aspek kualiti item pengukurannya terutama bagi teori psikometrik moden. Perkembangan teori psikometrik moden terutama menggunakan model Rasch mendorong keperluan yang tinggi bagi menguji sama ada item yang digunakan adalah sah dan boleh dipercayai untuk kegunaan masa hadapan. Justeru, kertas konsep ini bertujuan meninjau sejauhmanakah terdapat keperluan pengujian psikometrik item pengukuran nilai dan etika pada instrumen Tonggak Dua Belas terhadap penjawat awam guru. Kebanyakan literatur juga dilihat lebih banyak memfokuskan kepada tahap pengamalan dan pemahaman nilai dan etika dalam perkhidmatan awam, berbanding kualiti pengukuran pada item tersebut. Idea di sebalik kertas konsep ini adalah untuk membincangkan persoalan sama ada pengujian item pengukuran konsep Nilai dan Etika dalam konteks model Tonggak Dua Belas masih kekal relevan. Semakan kualiti psikometrik item ini penting agar penjawat awam guru yang lemah daripada aspek nilai dan integriti akan dapat dibimbing. Selain itu, kajian ini mampu memberikan bukti secara empirikal bagi aspek ketepatan pengukuran yang dijangka dapat mendorong kajian lanjutan dengan skop yang lebih meluas dan berimpak tinggi.

Kata kunci: *Tonggak Dua Belas, guru, nilai, etika, penjawat awam, pengujian, psikometrik, model Rasch*

PENGENALAN

Pendidikan merupakan proses penyampaian ilmu pengetahuan dan kemahiran serta pembentukan tingkah laku pelajar. Dalam konteks Malaysia, tujuan pendidikan adalah untuk membangunkan modal insan yang berkualiti dan bersahsiah tinggi (Khalim & Jamil 2011). Justeru, peranan guru amat penting dalam memastikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu melahirkan modal insan yang berkebolehan, berkemahiran dan berketrampilan tercapai dengan jayanya (Saedah & Mohammed Sani 2012). Pembentukan modal insan perlu berfokuskan kepada melahirkan individu yang seimbang dan harmoni dalam pelbagai aspek iaitu meliputi aspek

intelek, rohani, emosi dan jasmani (Rashidi et al. 2014). Bagi menyempurnakan hasrat ini, para guru bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu malahan bertanggungjawab membentuk sahsiah pelajar. Oleh itu, proses pendidikan memainkan peranan yang sangat signifikan dalam melahirkan modal insan berakhlak mulia serta mampu menyumbang kepada proses pembangunan negara.

Guru perlu pakar dalam segala bidang. Untuk menjadi guru yang profesional, seseorang guru itu harus menekankan tiga aspek penting yang patut dicapai iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Hal ini adalah seperti yang termaktub dalam Standard Guru Malaysia (SGM). Standard pertama dalam SGM iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan digubal berlandaskan budaya Institut Pendidikan Guru (IPG), tatasusila profesion keguruan, nilai murni dalam kurikulum sekolah, nilai utama dalam perkhidmatan awam, prinsip utama etika kerja KPM dan Tonggak Dua Belas (Low Suet Fin et al. 2016; Nur Hafizoh & Rohana 2013; Saedah & Mohammed Sani 2012). SGM berfungsi untuk melahirkan para guru yang berkualiti. Kompetensi guru dalam menguasai amalan nilai profesionalisme keguruan merupakan elemen yang penting dalam menghasilkan pelajar yang beretika dan berakhlak mulia (Khalim & Jamil 2011; Losius Goliong et al. 2016). Guru yang berkualiti mampu melahirkan insan yang baik (Nur Hafizoh & Rohana 2013). Aspek-aspek yang perlu ada dalam diri seorang guru yang berkualiti ialah sentiasa menghayati nilai-nilai murni, norma dan etika perkhidmatan. Terdapat dua belas nilai murni teras etika kerja perkhidmatan awam yang dikenali sebagai Tonggak Dua Belas yang perlu diamalkan. Kejayaan seseorang guru dalam menghayati nilai dan etika, secara tidak langsung memberi kesan kepada pencapaian akademik dan pembentukan akhlak pelajar.

Nilai dan etika merupakan asas kepada pembentukan integriti. Bagi sesebuah organisasi, nilai dan etika amatlah penting. Dalam usaha untuk memastikan martabat pendidikan terus terpelihara dan tidak terpinggir dalam perubahan arus zaman, nilai dan etika perlu diamalkan oleh semua guru. Penerapan nilai dan etika secara holistik dalam kalangan guru adalah penting bagi melahirkan guru yang profesional, beretika dan berintegriti (Nor Salmi & Lim Hooi Lian 2011). Seandainya semua para guru memiliki nilai dan etika yang tinggi, masalah-masalah seperti ponteng kerja, rasuah, penyalahgunaan kuasa, gangguan seksual, penderaan, pembaziran masa dan sebagainya tidak akan timbul. Namun begitu masih terdapat guru-guru yang tidak memahami dan mengamalkan nilai dan etika. Ramai para guru yang melanggar tatasusila perguruan yang sememangnya harus dielakkan. Pengetahuan, pemahaman dan pengamalan tentang nilai dan etika adalah amat penting bagi semua guru (Alis 2016). Oleh itu, guru perlu memiliki nilai dan etika yang baik untuk meningkatkan prestasi kerja serta berusaha memperbaiki diri demi memartabat profesion perguruan.

KONSEP NILAI

Nilai merujuk kepada darjat, kualiti, mutu, taraf atau sifat ketinggian seperti pemikiran, kemahiran dan sebagainya. Ahmad Sarji (1991) memberi definisi nilai sebagai kepercayaan yang mendorong seseorang atau sesebuah institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat. Nilai merujuk sebagai satu konsep yang mencerminkan amalan, kepercayaan dan pegangan seseorang individu yang dipersetujui oleh sesuatu kelompok manusia (Malike 2011; Sharifah Hayaati et al. 2009; Shepard 1990).

Malah, nilai dilihat sebagai corak pemikiran dan kelakuan yang diamal dan diterima dalam sesuatu kelompok. Justeru guru memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan yang berimu pengetahuan, berkemahiran serta menghayati nilai-nilai murni.

KONSEP ETIKA

Etika ialah suatu sistem yang berkaitan dengan dasar akhlak dan tingkah laku bagi individu, organisasi dan profesion (Rashidi et al. 2014; Toffler 1986). Sistem dasar ini meliputi aspek-aspek moral yang baik dan yang buruk, serta yang betul dan yang salah dengan tujuan memberi garis panduan kepada ahli-ahli berkenaan. Ahmad Sarji (1991) menyatakan bahawa etika adalah tanggungjawab dan akibat tingkah laku seseorang atau profesion terhadap masyarakat. Etika juga bermaksud keupayaan seseorang manusia dalam membezakan perlakuan baik dan buruk menggunakan akal fikiran (Abdul Muqsih et al. 2017). Buchholz (1989) menjelaskan bahawa etika merupakan suatu pemahaman apa yang boleh membentuk kehidupan yang baik. Kehidupan yang sempurna boleh dicapai melalui pengamalan etika yang baik (Abdul Muqsih et al. 2017; Buchholz 1989; Malike 2011; Sri Sarjana & Nur Khayati 2016).

TONGGAK DUA BELAS

Tonggak Dua Belas merupakan konsep nilai dan etika dalam perkhidmatan awam di Malaysia yang diperkenalkan oleh Tun Ahmad Sarji Bin Abdul Hamid pada tahun 1992. Tonggak Dua Belas merupakan satu set panduan etika untuk kakitangan awam yang menerangkan mengenai konsep nilai, norma dan etika dalam kehidupan manusia (Institut Tadbiran Awam Negara 1992). Ia adalah panduan, contoh-contoh nilai murni dan etika serta amalan-amalan baik yang perlu diamalkan oleh kakitangan awam bagi mengelakkan unsur-unsur yang negatif. Semua tonggak dan contoh-contoh yang dikemukakan menekankan aspek-aspek peribadi seseorang. Ianya didasarkan kepada kepercayaan bahawa nilai-nilai yang penting akan membentuk peribadi tertentu dan peribadi ini seterusnya akan mempengaruhi pembentukan sesebuah organisasi (Institut Tadbiran Awam Negara 1994).

Nilai dalam Tonggak Dua Belas merangkumi Etika Teras Perkhidmatan Awam, Nilai Murni Profesional, Etika Pentadbiran Awam serta Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam. Dua belas nilai yang terkandung dalam Tonggak Dua Belas iaitu menghargai masa, ketekunan membawa kejayaan, keseronokan bekerja, kemuliaan kesederhanaan, ketinggian peribadi, kekuatan sifat baik hati, pengaruh teladan, kewajipan menjalankan tugas, kebijaksanaan berhemat, keutamaan kesabaran, peningkatan bakat dan nikmat mencipta (Institut Tadbiran Awam Negara 1994). Dasar penerapan ini telah mengetengahkan nilai-nilai Islam yang dapat diterima oleh segenap lapisan masyarakat dan kaum di Malaysia. Kerajaan melalui agensi perkhidmatan awam juga telah menetapkan set nilai yang harus dipegang oleh sesebuah organisasi seperti bersih, cekap, amanah, tekun, bertanggungjawab, menganggap kerja sebagai ibadah, mesra pelanggan dan sebagainya untuk menjadikan organisasi lebih berdisiplin dan teratur (Rashidi et al. 2014).

KEPERLUAN PENGUJIAN TONGGAK DUA BELAS

Pendedahan salah laku guru-guru boleh mengakibatkan kewibawaan profesion keguruan tergugat pada mata umum (Baharin & Suzana 2008). Antara salah laku guru yang sering dilemparkan termasuklah kesalahan tata tertib (Mohd Ismail 2003), guru memukul pelajar (Baharin & Suzana 2008), penagihan dadah (Kementerian Dalam Negeri 1999) dan penyalahgunaan kuasa (Khalim & Jamil 2011). Kes - kes salah laku guru sering dikaitkan dengan amalan tidak beretika dan berintegriti guru tersebut. Isu - isu ini jika berterusan dan tidak dibendung boleh menyebabkan penurunan prestasi kerja guru-guru di sekolah. Sehubungan itu, jelaslah menunjukkan bahawa nilai dan etika merupakan tonggak asas kepada penjawat sektor awam termasuk lapangan pendidikan bagi menjamin perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat berada di tahap prestasi yang tinggi (Fatimah Wati et al. 2015).


Keperluan kepada pengujian item pengukuran nilai dan etika pada instrumen Tonggak Dua Belas adalah untuk mengenal pasti penjawat awam guru yang lemah elemen nilai dan etika bagi tujuan pemerksaan dan bimbingan oleh pihak berkenaan. Pengenal pastian ini memerlukan alat ukur yang tepat, sah dan berkualiti. Item yang berkualiti dapat memberikan pengukuran yang baik selain membekalkan maklumat empirikal yang berguna kepada pihak yang berkepentingan untuk tindakan selanjutnya. Fokus terhadap ciri psikometrik instrumen pada item instrumen sedia ada sangat penting bagi menjawab persoalan sama ada item tersebut benar - benar berkualiti aspek pengukurannya atau kemampuan item itu mengukur aspek yang sepatutnya diukur.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1992 tidak banyak kajian yang menguji kualiti item pengukuran dalam instrumen Tonggak Dua Belas walaupun item ini telah lama digunakan oleh penjawat awam. Pengukuran Tonggak Dua Belas hanya bersandarkan kepada idea asal oleh pihak Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang telah menjana sebanyak 270 item bagi mengukur 12 konstruk Tonggak Dua Belas. Item ini dilihat terlalu banyak dan memerlukan semakan semula kerana dibimbangi akan melibatkan masalah pertindanan item dan lain - lain. Semakan semula kualiti psikometrik item Tonggak Dua Belas sangat perlu bagi memberikan maklumat berguna kepada pihak INTAN untuk menggunakan item yang sah dan boleh dipercayai sahaja bagi tujuan pengenal pastian penjawat awam yang lemah daripada aspek nilai dan integriti.

Pengujian terhadap item pengukuran nilai dan etika pada instrumen Tonggak Dua Belas ini memerlukan suatu teori item psikometrik baharu berbanding teori ujian klasikal yang hanya merangkumi keupayaan responden sahaja. Limitasi Teori Ujian Klasikal ini boleh diatasi dengan penggunaan Teori Respon Item dengan model Rasch bagi satu parameter logistik yang menimbangkan kepada keupayaan responden dan kesukaran item. Penggunaan model Rasch terhadap pengujian item pengukuran nilai dan etika pada Tonggak Dua Belas dijangka berupaya meningkatkan aspek kesahan dan kebolehpercayaan, terutamanya dalam penggunaan konteks guru. Oleh itu terdapat keperluan untuk mengukur item pengukuran nilai dan etika pada instrumen Tonggak Dua Belas dalam kalangan guru agar kualiti pendidik yang diperlukan oleh sistem pendidikan negara dapat dipertingkatkan.

Suatu instrumen yang telah diakui kesahan dan kebolehpercayaan dalam menilai keberkesanan adalah diperlukan bagi menilai guru yang beretika dan berintegriti dalam melaksanakan tugas. Instrumen mestilah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi bagi mendapatkan hasil kajian yang baik (Sekaran & Bougie 2016). Namun demikian, instrumen-

instrumen nilai dan etika yang dibangunkan di luar negara kebanyakannya dianalisis kesahan dan kebolehpercayaan menggunakan analisis penelitian multidimensi seperti analisis faktor (Craig & Gustafson 1998; Kalshoven et al. 2011; Yukl et al. 2011). Instrumen yang dihasilkan tidak mengaplikasikan model pengukuran Rasch dalam pembinaannya. Instrumen yang sedia ada juga menilai dimensi-dimensi tertentu seperti dimensi kepimpinan etika (Brown et al. 2005; Engelbrecht & Heine 2012; Kalshoven et al. 2011; Spangenberg & Theron 2005; Yukl et al. 2011) dan aspek integriti (Craig & Gustafson 1998; Simons et al. 2007). Analisis yang digunakan untuk kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ialah analisis faktor dan keseragaman dalaman melalui *cronbach alpha*. Oleh itu, kajian ini amat signifikan bagi memenuhi keperluan pengujian kualiti item pengukuran nilai dan etika pada instrumen Tonggak Dua Belas menggunakan model pengukuran Rasch.



Rajah 1: Kerangka konseptual pengujian item pengukuran nilai dan etika pada instrumen Tonggak Dua Belas

PENGUKURAN TEORI UJIAN KLASIKAL (TUK) DAN TEORI RESPON ITEM (TRI)

Terdapat beberapa teori yang digunakan untuk menguji sesuatu instrumen. Antaranya ialah Teori Ujian Klasikal (TUK) dan Teori Respon Item (TRI). Kedua-dua teori ini bertujuan untuk menghasilkan item dan ujian yang berkualiti berdasarkan ciri-ciri psikometrik item dan ujian (Ruhaibah 2015).

Teori Ujian Klasikal (TUK) merupakan teori yang dominan dan telah menguasai bidang pengukuran sains sosial masa kini. Teori ini ringkas dan merupakan suatu model yang linear. Zeng & Wyse (2009) menyatakan terdapat empat statistik utama dalam kerangka kerja Teori Pengujian Klasik iaitu: (i) kesukaran item; (ii) korelasi antara ujian item; (iii) pekali kebolehpercayaan; dan (iv) ralat pengukuran piawai. Matlamat umum teori pengujian ini ialah untuk menentukan sama ada pemboleh ubah tidak bersandar memberi kesan atau mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah bersandar.

Beberapa limitasi bagi Teori Ujian Klasik (TUK) telah dikenal pasti antaranya ialah andaian bahawa setiap individu mempunyai skor ujian yang sama dengan skor sebenar

sekiranya tiada ralat pengukuran. Konsep ini tidak mungkin berlaku kerana kebolehan sebenar individu mungkin berbeza berbanding dengan skor ujian untuk setiap individu itu (Ruhaibah 2015). Skor sebenar dan varians ujian mestilah sama untuk setiap sub populasi ujian. Dalam Teori Ujian Klasik (TUK), statistik item dan skor sebenar yang dipengaruhi oleh ujian (Hambleton et al. 1991). Oleh kerana statistik item dipengaruhi kesukaran ujian, maka kesukaran ujian mempengaruhi skor ujian.

Hambleton et al. (1991) menyatakan bahawa statistik TUK sangat berguna dalam pembangunan ujian tetapi analisis tersebut didapati bergantung dengan sampel. Statistik item iaitu diskriminasi item dan kesukaran item adalah bergantung pada calon (Lim Huey Fern & Lim Hooi Lian 2016). Statistik individu iaitu skor ujian pula bergantung pada item. Manakala anggaran kebolehppercayaan adalah bergantung pada panjangnya sesuatu instrumen dan menganggap bahawa ralat pengukuran adalah sama bagi semua calon (Hambleton et al. 1991; Lim Huey Fern & Lim Hooi Lian 2016). Semua pengukuran menggunakan pendekatan TUK adalah bersandar kepada sampel ujian. Pengukuran TUK adalah model yang dianggap lemah kerana andaian-andaian bagi model agak mudah dipenuhi oleh data. Beberapa limitasi TUK menyebabkan analisis item yang dibuat adalah kurang tepat (Ruhaibah 2015).

Teori Respons Item (TRI) merupakan satu pendekatan yang digunakan untuk mendapatkan gambaran tentang fungsi dalam meramalkan prestasi individu berdasarkan ciri-ciri item ujian. Teori ini menggambarkan paradigma bagi soal selidik dan instrumen untuk mengukur kebolehan serta sikap atau pemboleh ubah yang lain. Perbezaannya dengan TUK adalah TRI lebih merujuk kepada penumpuan teori terhadap item dan bukan penumpuan kepada ujian tahap seperti TUK. Berdasarkan teori ini, parameter individu dipanggil sebagai trait terpendam atau keupayaan individu. Pendekatan teori ini yang berbentuk linear mengandaikan bahawa prestasi individu dalam menjawab item dipengaruhi oleh trait terpendam tersebut (Akhbariah 2007). Teori ini mampu untuk melakukan perbandingan di antara responden walaupun mereka tidak menjawab item-item yang sama diberikan, dengan syarat semua item itu mengukur satu trait terpendam yang sama (Akhbariah 2007). Antara pengukuran dalam TRI ialah model pengukuran Rasch. TRI mempunyai beberapa kelebihan berbanding TUK. Antaranya ciri-ciri item tidak lagi bergantung pada skor, dapat menjelaskan ciri-ciri item, bukan hanya paras ujian serta dapat memberikan pengukuran yang tepat pada setiap skor kebolehan.

MODEL PENGUKURAN RASCH

Model pengukuran Rasch merujuk kepada satu prinsip atau teknik yang membolehkan suatu pengukuran dibuat terhadap sifat pendam (Azrilah et al. 2015). Dalam menilai kesesuaian model dan data, model pengukuran Rasch berperanan untuk memberi perhatian kepada persoalan sejauh mana kebergunaan data yang diperolehi sesuai dengan model (Linacre 2012; Wright & Masters 1982). Model Rasch adalah model unidimensi berdasarkan kepada andaian bahawa individu yang berkebolehan tinggi mempunyai lebih kebarangkalian untuk menjawab semua item dengan betul. Manakala item yang mudah kebarangkalian dapat dijawab dengan betul oleh semua responden apabila dikawal oleh perbezaan antara kesukaran item dan kebolehan responden (Bond & Fox 2015; Wright & Masters 1982). Beberapa andaian – andaian utama dalam model Rasch perlu dipertimbangkan untuk pemeriksaan kefungsi item dari aspek (i) kesesuaian item mengukur konstruk; (ii) unidimensionaliti; (iii) kebebasan

setempat menentukan item bersandar berdasarkan nilai korelasi residual terpiawai; dan (iv) kebolehppercayaan dan pengasingan item-responden.

Kesesuaian Item

Kesesuaian item dalam model Rasch adalah untuk mengukur sesuatu pemboleh ubah terpendam. Kesesuaian item digunakan untuk menguji sama ada data menepati atau tidak dengan jangkakan model (Lim Huey Fern & Lim Hooi Lian 2016). Kesesuaian item dalam mengukur konstruk dapat ditentukan melalui analisis min kuasa dua (MNSQ) dan statistik kesesuaian yang seragam (Zstd). Nilai jangkakan MNSQ yang sempurna adalah 1.00 (Linacre 2012). Oleh itu, julat yang boleh diterima untuk statistik MNSQ ialah 0.7 hingga 1.3 (Fisher 2007), 0.5 hingga 1.5 (Linacre 2012; Wright & Masters 1982) dan 0.6 hingga 1.4 (Bond & Fox 2015). Sekiranya item-item berada di luar julat tersebut, maka item itu perlu diasingkan agar dapat membuat pengubahsuaian atau diperbaiki sebelum dibuang (Linacre 2012). Hal ini adalah kerana kesesuaian item akan memberi kesan dan mempengaruhi kebolehppercayaan dan kesahan instrumen. Jika item-item yang kurang sesuai itu sememangnya mengukur sesuatu konstruk, item tersebut harus diperbaiki. Julat penerimaan nilai skor z adalah antara -2 hingga +2 (Bond & Fox 2015). Jika nilai min kuasa dua diterima, nilai skor z boleh diabaikan (Linacre 2012). Nilai *point measure correlation* (PTMEA Corr) mesti positif dan melebihi 0.3 (Bond & Fox 2015; Linacre 2012; Nunnally & Bernstein 1994) membawa maksud bahawa semua item dalam instrumen penilaian nilai dan etika mengukur apa yang hendak diukur. Nilai item positif ini menunjukkan semua item yang digunakan berfungsi ke arah yang selari untuk mengukur konstruk yang diukur. Manakala indeks item yang negatif perlu disemak semula item-item, sama ada perlu diperbaiki atau digugurkan. Hal ini adalah kerana didapati terdapat item atau individu yang memberi respons yang bercanggah dengan pemboleh ubah (Linacre 2012).

Unidimensionaliti

Unidimensionaliti merupakan pertimbangan yang paling penting dalam pembinaan suatu ujian atau sebagai alat pengukuran untuk menjamin instrumen tersebut adalah unidimensi (Linacre, 2011). Unidimensionaliti menggunakan analisis komponen utama (PCA) atau dikenali sebagai varians reja terpiawai bagi menunjukkan keseragaman dimensi instrumen yang digunakan (Brentari & Golia 2007). Bagi memastikan sesuatu instrumen itu bersifat unidimensi nilai varians haruslah melepasi nilai minimum yang diterima iaitu 20%. Nilai eigen yang tidak dapat dijelaskan pada kontras yang pertama kurang daripada nilai 5 dan menunjukkan tidak wujud dengan jelas dimensi kedua. Tahap gangguan item yang diukur atau varian yang tidak dijelaskan dalam kontras satu yang kurang 10%. Manakala nilai had terkawal maksimum iaitu 15% (Azrilah et al. 2015).

Kebebasan Setempat

Kebebasan setempat digunakan untuk menentukan sama ada item terikat atau tidak antara satu sama lain (Mohd Effendi @ Ewan & Ahmad Zamri 2015). Kebebasan setempat menentukan item bersandar berdasarkan nilai korelasi residual terpiawai. Julat syarat kebebasan setempat ialah nilai korelasi kurang daripada 0.70 (Linacre 2012). Nilai ini menunjukkan kesemua item tidak bergantung antara satu sama lain.

Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item-Responden

Kebolehpercayaan sesuatu alat ukuran bermakna ketekalan ukuran-ukuran yang dihasilkan oleh alat ukur tersebut. Ujian yang mempunyai darjah ketekalan yang tinggi dianggap ujian yang baik dan sesuai apabila skor yang diperolehi hampir sama. Nilai kebolehpercayaan lebih daripada 0.8 adalah nilai diterima kuat, manakala nilai antara 0.6 - 0.8 kurang diterima dan nilai kurang daripada 0.6 tidak diterima (Bond & Fox 2015). Indeks pengasingan item menunjukkan pengasingan untuk tahap kesukaran item, manakala indeks pengasingan individu menunjukkan bilangan strata kebolehan dalam kumpulan sampel (Bond & Fox 2015; Wright & Masters 1982). Nilai pengasingan lebih daripada nilai 2 adalah dianggap baik dan boleh diterima (Bond & Fox 2015; Linacre 2012) kerana menunjukkan item-item dalam konstruk ini mampu membezakan responden kepada dua tahap kebolehan.

CADANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Pengujian item pengukuran nilai dan etika menggunakan model Rasch dilihat mampu memberikan maklumat yang lebih berguna kepada pengkaji berbanding dengan analisis Teori Ujian Klasik iaitu faktor analisis. Kajian ini akan menyumbang kepada aspek pengujian item pengukuran nilai dan etika pada Tonggak Dua Belas bagi penggunaannya dalam konteks guru. Pengujian item pengukuran ini sangat penting bagi memudahkan para penggubal dasar dan pegawai daripada Unit Integriti Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengenal pasti tahap pengamalan nilai dan etika dalam kalangan guru. Dapatan kajian membolehkan program pembangunan profesionalisme dan latihan keguruan dirancang dengan lebih berkesan dalam usaha melahirkan guru beretika. Kajian akan memberi maklumat berguna kepada Jabatan Perkhidmatan Awam terutamanya pihak INTAN untuk menggunakan item yang sah dan boleh dipercayai bagi mengenal pasti penjawat awam yang lemah daripada aspek nilai dan etika.

Item pengukuran nilai dan etika bagi Tonggak Dua Belas amat diperlukan kerana negara kini berdepan dengan keruntuhan akhlak dan moral yang serius (Mohamad Khairi et al. 2017). Keruntuhan akhlak yang parah boleh merencatkan kecemerlangan negara (Khalim & Jamil 2011; Mohd Jamil et al. 2014; Thulasimani 2015). Oleh itu, penggunaan item pengukuran nilai dan etika perlu diperluaskan bagi kegunaan dalam pelbagai sektor pekerjaan khususnya agensi-agensi kerajaan dan swasta.

KESIMPULAN

Terdapat keperluan untuk menguji item pengukuran nilai dan etika pada Tonggak Dua Belas memandangkan belum ada kajian berkaitan yang menguji kualiti item pengukuran nilai dan etika walaupun item ini telah lama digunakan oleh penjawat awam. Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai keperluan tersebut. Dapatan empirikal yang diperolehi akan melalui prosedur ujian psikometrik menggunakan model Rasch. Keperluan pengujian ini akan membekalkan maklumat empirikal yang berguna kepada aspek pengujian item pengukuran nilai dan etika pada Tonggak Dua Belas bagi penggunaannya dalam konteks guru di Malaysia.

RUJUKAN

Abdul Muqsith, A., Zaharah, H., Maisarah, A. M., Farazila, Y. & Mohd Ridhuan, M. J. (2017). Masalah etika dan akhlak pelajar kemahiran kejuruteraan: analisis keperluan.

- Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 5(2): 34–45.
- Ahmad Sarji, A. H. (1991). Perkhidmatan awam yang berkualiti: Towards quality public service. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Akhbariah, M. M. (2007). *Penerokaan ciri-ciri psikometrik instrumen pentaksiran pemikiran kritis malaysia (IPPKM) dan model pemikiran kritis*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alis, P. (2016). Profesion keguruan: guru sebagai role model. Sintok, Kedah: UUM Press.
- Azrilah, A. A., Mohd Saidudin, M. & Zaharim, A. (2015). Asas model pengukuran Rasch: pembentukan skala & struktur pengukuran. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharin, A. & Suzana, M. @ M. (2008). Pengetahuan etika profesion perguruan dalam kalangan guru pelatih 4SPH Fakulti Pendidikan UTM.
- Bond, T. G. & Fox, C. (2015). Applying the Rasch model: fundamental measurement in the human sciences, hlm. 3rd Edisi . New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Brentari, E. & Golia, S. (2007). Unidimensionality in the Rasch model: how to detect and interpret. *Statistic* 67(3): 253–261.
- Brown, M. E., Treviño, L. K. & Harrison, D. A. (2005). Ethical leadership: a social learning perspective for construct development and testing. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 97(2): 117–134.
- Buchholz, R. A. (1989). Fundamental concepts and problems in business ethics. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Craig, S. B. & Gustafson, S. B. (1998). Perceived leader integrity scale: An instrument for assessing employee perceptions of leader integrity. *Leadership Quarterly* 9(2): 127–145.
- Engelbrecht, A. S. & Heine, G. (2012). *The development of the Leadership of Ethics Scale (LES)*. Department of Industrial Psychology, University of Stellenbosch.
- Fatimah Wati, H., Zahir, M. & Fatimah, O. (2015). Personaliti dan nilai peribadi asas pegawai tadbir diplomatik dalam era transformasi sektor awam. *Jurnal Psikologi Malaysia* 29(1): 63–73.
- Fisher, J. W. P. (2007). Rating scale instrument quality criteria. *Rasch Measurement Transactions* 21(1): 1095.
- Hambleton, R. K., Swaminathan, H. & Rogers, H. J. (1991). Fundamental of item response theory. Newbury Park, CA: Sage.
- Institut Tadbiran Awam Negara. (1992). Tonggak Dua Belas penerapan nilai, norma dan etika perkhidmatan. Kuala Lumpur: Penerbit INTAN.
- Institut Tadbiran Awam Negara. (1994). Citra karya falsafah, nilai dan etika dalam perkhidmatan awam. Kuala Lumpur: Penerbit INTAN.
- Kalshoven, K., Den Hartog, D. N. & De Hoogh, A. H. B. (2011). Ethical leadership at work questionnaire (ELW): Development and validation of a multidimensional measure. *The Leadership Quarterly* 22(1): 51–69.
- Kementerian Dalam Negeri. (1999). Data penagih dadah.
- Khalim, Z. & Jamil, A. (2011). Etika dan profesionalisme dalam kepimpinan guru di sekolah. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-5*. Pekanbaru, Indonesia: Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Riau.
- Lim Huey Fern & Lim Hooi Lian. (2016). Pengesahan instrumen sikap terhadap Matematik dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Kedah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 4(1): 1–13.
- Linacre, J. M. (2012). A user's guide to WINSTEPS: Rasch model computer programs. Chicago: MESA Press.
- Losius Goliong, Abdullah, M. K. & Talin, R. (2016). Kompetensi peribadi, pedagogi, profesionalisme guru sekolah berprestasi rendah bahagian barat dan utara Sabah. *Jurnal Pendidikan Nusantara* 182–200.
- Low Suet Fin, Zainuddin, A. & Ruhani, R. (2016). Standard Guru Malaysia: Tahap

- pengetahuan guru pelatih PISMP IPG Kampus Ilmu Khas.
- Malike, B. (2011). "Yang Menurut Perintah"-nilai penjawat awam 1–12.
- Mohamad Khairi, H. O., Mohd Zailani, M. Y., Alis, P. & Nurfasihah, R. (2017). Permasalahan dan cabaran guru dalam membentuk nilai pelajar di sekolah menengah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* (Special Issue): 1–10.
- Mohd Effendi @ Ewan, M. M. & Ahmad Zamri, K. (2015). Pengujian ciri psikometrik item USMEQ-I dalam kalangan pelajar politeknik menggunakan model Rasch. *Jurnal Teknologi* 1: 251–257.
- Mohd Ismail, O. (2003). Undang-undang untuk pengetua dan guru besar. Sintok, Kedah: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Jamil, M. R., Said, S. & K Azeez, M. I. (2014). Kompetensi guru terhadap pengurusan pengajaran dan pembelajaran: Suatu pendekatan teknik Fuzzy Delphi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 1(3): 77–88.
- Nor Salmi, A. Z. & Lim Hooi Lian. (2011). Mengkaji kesahan Inventori Nilai Integriti dalam kalangan guru-guru sekolah rendah. *MEDC Journal* 0–30.
- Nunnally, J. C. & Bernstein, I. H. (1994). Psychometric theory. New York: McGraw Hill.
- Nur Hafizoh, I. & Rohana, H. (2013) Nilai profesionalisme bakal guru berteraskan indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi* 60: 31–37.
- Rashidi, A., Fakhru Adabi, A. K. & Ihamie, A. G. A. (2014). Kemahiran generik: hubungan nilai amanah dengan etika dan moral profesional dalam kalangan pelajar Universiti Teknikal Malaysia (MTUN Universiti). *Journal of Islamic Education* 2(2): 120–133.
- Ruhaibah, H. (2015). *Ciri-ciri psikometrik " Malaysian University Selection Inventory" (MUnSyI) menggunakan model pengukuran Rasch*. Universiti Sains Malaysia.
- Saedah, S. & Mohammed Sani, I. (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia 1–44.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2016). Research methods for business: A skill building approach, hlm. 7th Edisi . New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sharifah Hayaati, S. I. A.-Q., Ab. Rahman, A. & Mohd Zain, M. I. (2009). Pengukuhan nilai dan profesionalisme di kalangan penjawat awam ke arah efektif governan di Malaysia. *Jurnal Syariah* 17(3): 559–592.
- Shepard, J. M. (1990). Sociology, hlm. 4th Edisi . New York: West Publishing.
- Simons, T., Friedman, R., Liu, L. A. & Parks, J. M. (2007). Racial differences in sensitivity to behavioural integrity: Attitudinal consequences, in-group effects, and "trickle down" among black and non-black employees. *Journal of Applied Psychology* 92(3): 650–665.
- Spangenberg, H. & Theron, C. C. (2005). Promoting ethical follower behaviour through leadership of ethics: the development and psychometric evaluation of the Ethical Leadership Inventory (ELI). *South African Journal of Business Management* 36(2): 1–18.
- Sri Sarjana & Nur Khayati. (2016). Pengaruh etika, perilaku, dan kepribadian terhadap integritas guru. *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan* 1(3): 379–393.
- Thulasimani, M. (2015). *Integriti dalam organisasi pendidikan*. Institut Teknologi Brunei.
- Toffler, B. L. (1986). Tough choice, managers talks ethics. New York: John Wiley & Sons.
- Wright, B. D. & Masters, G. N. (1982). Rating scale analysis: Rasch measurement. Chicago: MESA Press.
- Yukl, G., Mahsud, R., Hassan, S. & Prussia, G. (2011). An improved measure of ethical leadership. *Journal of Leadership & Organizational Studies* 20(1): 38–48.
- Zeng, J. & Wyse, A. (2009). Introduction to classical test theory. Michigan Department of Education: W.Allegan. Lansing.